



KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

KAWALAN PENGIMPORAN E-SISA KE MALAYSIA

1. Saya bersama Timbalan Menteri, YB Dato' Sri Huang Tiong Sii dan pegawai-pegawai kanan daripada Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim serta Jabatan Alam Sekitar (JAS) hari ini telah mengadakan satu lawatan pemeriksaan di Port Klang dalam satu operasi membanteras dagangan sisa elektronik (e-sisa) yang dilakukan secara haram.
2. Kementerian saya komited untuk memastikan Malaysia tidak dijadikan tempat transit atau pelupusan e-sisa daripada negara-negara maju. Ia adalah selaras dengan *Basel Convention on The Control of Transboundary Movements of Hazardous Wastes and Their Disposal*. Melalui konvensyen ini perlu memastikan semua pergerakan rentas sempadan buangan terjadual seperti e-sisa mempunyai kelulusan terlebih dahulu sebelum sebarang aktiviti transit, *transshipment*, import dan eksport dapat dijalankan.
3. Berdasarkan statistik yang direkodkan dari Januari hingga November 2022 sebanyak 59 kontena telah ditahan oleh JAS Negeri Selangor dengan kerjasama pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Daripada jumlah tersebut, sebanyak 31 buah kontena membawa barangan mengandungi buangan terjadual telah diperiksa oleh pegawai penguatkuasa JAS.
4. JAS telah mengeluarkan sebanyak 18 Notis Arahan di bawah Seksyen 31 dan Seksyen 37 Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 bagi mengarahkan kontena-kontena tersebut dipulangkan semula ke negara asal kerana membawa barang dagangan berisi e-sisa tanpa mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada JAS. Sehingga kini sebanyak 19 kontena dipulangkan semula ke negara asal seperti Amerika Syarikat, Sepanyol, Australia, Belgium dan Jepun.
5. Berdasarkan maklumat terkini daripada JKDM, sebanyak 3 buah kontena telah ditahan dan diperiksa pada 8 Disember 2022 di Pelabuhan Barat, Klang. Hasil pemeriksaan mendapati kontena-kontena tersebut mengandungi bahan buangan yang diimport dari Amerika Syarikat dan Sepanyol iaitu perkakasan komputer terpakai beserta wayar yang dikategorikan sebagai buangan elektrik dan elektronik (SW 110) atau e-sisa. Pemeriksaan turut mendapati pengimport telah mengikrar bahan dagangan sebagai skrap aluminium bagi mengaburi mata pihak berkuasa.
6. Notis Arahan akan dikeluarkan kepada syarikat pengimport tersebut untuk memulangkan kontena-kontena tersebut ke negara asal bagi mematuhi kehendak di bawah prosedur Konvensyen Basel. Bagi mengawal pergerakan e-sisa di peringkat global, Konvensyen Basel telah menetapkan supaya e-sisa yang merentasi sempadan hendaklah melalui Prosedur *Prior*

Informed Consent (PIC) yang mana kebenaran negara pengimport perlu diperolehi sebelum ia dihantar ke negara berkenaan. Setiap aktiviti pengimportan e-sisa dikawal selia melalui syarat dan kriteria berikut:

- a. e-sisa yang disenaraikan di bawah List A (Annex 8) dan List B (Annex 9) hendaklah melalui ***Prosedur Prior Informed Consent***. Pengimportan yang gagal mematuhi prosedur ini dikategorikan sebagai *illegal shipment* di bawah Artikel 9; dan
 - b. Artikel 9 Basel Konvensyen juga menyatakan bahawa negara pengeksport yang tidak mendapat kelulusan dari negara pengimport bagi barang dagangan yang dikategorikan sebagai buangan terjadual perlu mengambil semula barang dagangan tersebut dalam tempoh 30 hari.
7. JAS akan terus memperkasa pemantauan dan penguatkuasaan bagi pengimportan e-sisa yang digunakan oleh industri kitar semula. Tindakan tegas akan diambil ke atas mana-mana pengimport yang gagal mematuhi peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan termasuklah menghantar balik kontena e-sisa import tersebut ke negara asal selaras dengan Artikel 9, Konvensyen Basel. Pada masa yang sama Malaysia mempunyai hubungan yang baik dan erat di kalangan ahli Konvensyen Basel dalam membanteras aktiviti pengimportan haram buangan terjadual rentas sempadan.
 8. Selain itu, di bawah Seksyen 34B, AKAS 1974 sebarang penempatan buangan terjadual sama ada di darat atau dalam perairan Malaysia, transit atau membenarkan ditransit e-sisa tanpa kelulusan daripada Ketua Pengarah Alam Sekitar adalah menjadi satu kesalahan di bawah AKAS 1974 dan jika disabitkan kesalahan boleh dihukum penjara tidak melebihi 5 tahun dan denda tidak melebihi RM500,000.
 9. Saya ingin merakamkan penghargaan atas kerjasama semua agensi yang terlibat dalam membantu operasi ini iaitu pihak JKDM, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Lembaga Pelabuhan Kelang dan Westport Malaysia Sdn. Bhd. Kerajaan amat menghargai sebarang maklumat risikan awal yang disalurkan oleh mana-mana pihak dalam mendepani cabaran siasatan dan penguatkuasaan pergerakan merentas sempadan e-sisa ke negara Malaysia.
 10. Saya juga ingin menegaskan bahawa sebarang cubaan oleh mana-mana agen, syarikat perkapalan yang mengimport sebarang e-sisa ke Malaysia akan berdepan dengan tindakan tegas jika mereka gagal mematuhi undang-undang dan prosedur pengimportan yang telah ditetapkan oleh Malaysia sebagaimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 43, AKAS, 1974.

- Tamat -

YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad
Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim

15 Disember 2022